

Media Title

- : Kosmo
- : Suri rumah dua kali masuk perangkap phone scam
- : 19 August 2023
- : Negara!
- : 9

Headline

Date

Section

Page



Suri rumah dua kali masuk perangkap phone scam

**AWAS
SCAM**



TELUK INTAN – Walaupun pernah menjadi mangsa penipuan phone scam sehingga kerugian sebanyak RM30,000 tiga tahun lalu, seorang suri rumah masih tidak serik apabila sekali lagi terjerat dengan helah sama.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri berkata, wanita berusia 64 tahun itu ditipu kali pertama pada September 2020.

Katanya, dalam kes terbaru, mangsa ditipu pada 1 Ogos lalu selepas menerima panggilan daripada seorang lelaki kononnya 'ASP Firdaus'.

"Lelaki yang mendakwa sebagai pegawai polis itu mendakwa mangsa terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM1.5 juta.

"Bagi tujuan siasatan, pang-

gilan telefon itu disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh dan mangsa telah bercakap dengan seorang lelaki lain dikenali sebagai Sarjan Mohktar.

"Mangsa menafikan yang dia terlibat dalam sebarang kegiatan menyalahi undangan," katanya semalam.

Ujarnya, mangsa bagaimanapun telah dihubungi keesokkan hari dan diarahkan memindahkan kesemua wang ke dalam dua akaun RM98,000.

Katanya, duit milik mangsa itu adalah wang simpanannya di Tabung Haji dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

"Pindahan wang itu kononnya bagi tujuan siasatan dan akan dikembalikan setelah semuanya selesai.

"Bagaimanapun, pada Ahad lalu, mangsa sekali lagi telah dihubungi 'ASP Firdaus' yang memintanya membuat bayaran sebanyak RM15,000 untuk proses mendapatkan kembali wang sebanyak RM98,000," katanya.

Tambahnya, mangsa yang sudah kehabisan wang mula menyedari dirinya ditipu sebelum membuat laporan polis berkaitan penipuan itu.